

13 JAN 1998

PEMBANGUNAN MSC TIDAK TERJEJAS OLEH KELEMBAPAN EKONOMI, KATA PENERUS EKSEKUTIF MDC

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah hari ini berkata kelembapan ekonomi sekarang tidak mempunyai kesan negatif ke atas pembangunan keseluruhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa perbelanjaan kerajaan ke atas teknologi maklumat bagi tahun ini akan dikecilkan.

Katanya kelembapan ekonomi mempunyai kesan yang sedikit ke atas kemajuan MSC, terutamanya aplikasi-aplikasi utamanya, jika diambil kira peningkatan pada pengaliran masuk pelaburan ke bidang-bidang terbabit.

Setakat ini, 101 syarikat yang telah diberikan taraf MSC, telah mengesahkan hasrat mereka untuk melaksanakan pelaburan modal di dalam MSC, dengan lebih banyak di dalam senarai permohonan, beliau memberitahu pemberita di Cyberjaya dekat sini.

Katanya pelaburan daripada syarikat-syarikat bertaraf MSC akan membolehkan MDC meneruskan pembangunan infrastruktur untuk mengembangkan pembangunan ekonomi sampingan di kawasan itu.

Seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad baru-baru ini bahawa MSC adalah enjin pertumbuhan akan datang, memberi harapan baik malahan di dalam keadaan (ekonomi tidak menentu) sekarang, "para pelabur mempunyai perancangan pelaburan besar di dalam MSC," katanya.

"Saya berkata demikian kerana kebanyakan mereka (pelabur) sedar bahawa MSC dengan sebenarnya menarik pelaburan produktif untuk mendapatkan faedah aktiviti yang produktif," katanya.

Dr Othman berkata bidang teknologi maklumat yang berpotensi tinggi dan pelaburan multimedia seperti MSC akan terus mengekalkan keyakinan pelabur yang memang telahpun tinggi di Malaysia.

Beliau juga berkata bahawa pembabitan oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana IT tempatan multimedia di dalam MSC akan ditingkatkan berikutan pinjaman RM1 bilion bagi IKS yang dilancarkan tahun ini oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Memandangkan MSC menawarkan asas yang penting bagi aktiviti teknologi dan berasaskan ilmu yang merupakan sektor Malaysia yang paling produktif, saya yakin kebanyakan IKS IT dan berasaskan multimedia yang mempunyai cadangan dan membuat perancangan akan menyertai di dalam MSC, akan mengambil peluang untuk berbuat demikian."

MSC, katanya boleh mengujudkan kawasan-kawasan baru aktiviti ekonomi yang boleh menanamkan keyakinan terhadap ekonomi negara keseluruhan.

Mengenai jangkaan penurunan perbelanjaan IT, Dr Othman berkata ia adalah kerana menyokong usaha penjimatan kerajaan.

Dr Othman juga berkata mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC kedua akan diadakan pada 12 dan 13 Feb di Cyberjaya. Mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, akan membincangkan serta merujuk kepada isu-isu khas dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MSC dan perkembangannya yang terbaru.

"Sejak mesyuarat pelancaran IAP yang diadakan di Stanford University, di California, Amerika Syarikat pada 16 Jan, 1997, keanggotaan IAP telah berkembang dari 29 kepada 41," katanya, sambil menambah bahawa latar belakang anggota-anggota itu juga dipelbagaikan untuk meliputi pembekal-pembekal dan pemaju-pemaju kandungan IT dan syarikat-syarikat modal usaha teknologi ulung antarabangsa.

Bagi mesyuarat kedua itu, 15 anggota dan 15 ketua pegawai eksekutif

syarikat (CEO) telah mengesahkan penyertaan mereka manakala lapan syarikat lagi mahu menghantar wakil sebagai pemerhati.

Mesyuarat itu antara lain akan membincangkan perkembangan semasa di dalam persekitaran multimedia global, internet, dan mengkaji semula arah haluan MSC, terutamanya mengenai matlamatnya yang ditekankan, sama ada ia boleh dicapai.

Juga akan diadakan perbincangan mengenai kekurangan buruh di seluruh dunia di dalam bidang-bidang Multimedia dan IT dan sama ada ia akan mempunyai kesan ke atas MSC, masa depan e-commerce, implikasi cukai ke atas e-commerce dan kesan-kesan sosial internet.

Sempena dengan mesyuarat IAP kedua itu, MDC akan juga menganjurkan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan di Langkawi minggu depan yang akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir. -- BERNAMA

RIZ OS